| KUASAI FAKTA | KBAT & ELEMEN KEWARGANERAAN DAN NILAI SIVIK |
|---|---|
| 1. Memerihalkan Pentadbiran Tentera British di negara kita<br>2. Menjelaskan gagasan Malayan Union<br>3. Menghuraikan reaksi penduduk tempatan terhadap MU<br>4. Memerihalkan penyerahan Sarawak oleh Brooke kepada British<br>5 Menghuraikan penentangan penduduk tempatan terhadap penyerahan Sarawak<br>6 Menerangkan penyerahan Sabah oleh Syarikat Borneo Utara British kepada British<br>7 Menganalisis reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan Sabah | 1 Menerangkan kepentingan mempertahan maruah bangsa<br>2 Menjelaskan kepentingan berwaspada dalam membuat sebarang tindakan.<br>3 Menjelaskan kepentingan sikap berani menyuarakan pandangan dengan beretika<br>4 Menghuraikan kepentingan menghargai kepimpinan tokoh terdahulu dalam membina negara |

## 4.1 British Military Administration (BMA)

**1. Latar belakang**

a. Mula 12 Sept 1945
b. Pentadbiran tentera di bawah Lord Mountbatten (Pemerintah Tertinggi Tentera Bersekutu di AT)
c. Perancangan hal awam di TM oleh Brigeder Jeneral H.C Willan
d. Tugas untuk kembalikan kestabilan dan memulihkan kepercayaan rakyat

2. **Matlamat BMA**

**a. Mengembalikan kestabilan dan keamanan**
- Bubarkan MPAJA / serah senjata – gagal
- BMA gagal benteras jenayah/ketegangan kaum

**b. Memulihkan kepercayaan rakyat**
- Makanan, ubat-sukar dapat
- Penyakit / rasuah /sengsara
- Usaha BMA-baiki / pulihkan infrastruktur, ladang, kesihatan-namun sukar bawa jentera
- BMA gagal pulihkan keadaan sosioekonomi

## 4.2 Malayan Union (MU)

**1. Latar belakang**

a. Tujuan: licin pentadbiran, pelaburan, pertahanan, kekal tenaga kerja asing
b. Dirangka oleh Ketua Unit Perancangan TM – Mejar Jeneral Ralp Hone
c. SU Tanah Jajahan British George Henry Hall bentang di parlimen-Persatuan Pelajar Melayu hantar memorendum meminta supaya hal warganegara di TM tidak ikut prinsip Jus Soli
d. Tan Cheng Lock dan Persatuan Cina Seberang Laut hantar memorendum tentang masa depan TM
e. MU diisytihar dalam Warta Kerajaan (Kertas Putih 6274)-isi tentang kesatuan, pentadbiran, sistem perundangan, kedudukan raja, syarat warganegara, agama Islam
f. British ambil alih pentadbiran - berpusat (kesatuan) pada 1 Apr 1946

## 4.2 Malayan Union

**2. Ciri-ciri Perlembagaan MU**

**i. Pentadbiran**

NNMB,NNMTB,NNS(kecuali Singapura) disatukan
- Ketua MU-Gabenor British
- Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan MU di bawah Pesuruhjaya Tinggi British
- Sultan ahli Majlis Raja-Raja hanya bincang agama / adat

**ii. Kewarganegaraan**
- Melalui prinsip Jus Soli
- Lahir di TM dan Singapura
- Umur 18 tahun ke atas tinggal di TM 10-15 tahun
- Ibubapa warga anak warga

**3. British mendapat tandatangan Sultan**

**i) HC Willan rintis mengadap**
- Mengadap Sultan: Johor-Selangor – Kedah – Perlis - Perak - N9 – Pahang – Terengganu - Kelantan
- Yakin raja akan sokong MU dengan berusaha pastikan raja tandatangan

**ii) Harold MacMicheal mendapatkan tandatangan**
- Tiba di Port Swettenham dengan kapal Royalist ditemani A.T Newboult (jurubahasa)
- Menggunakan taktik untuk dapat tandatangan Sultan :Johor – Selangor - Pahang - N9 (didesak) - Perak(cuba lengah) – Kedah (berdebat /enggan) - Perlis (didesak) - Kelantan (ugut tidak iktiraf raja) - Terengganu (mula enggan sebab bertentangan Undang² Tubuh)

## 4.3 Reaksi penduduk tempatan terhadap MU

1. **Penentangan Raja**

i. **Sebab penentangan**

a. MU bentuk penjajahan mutlak British
b. Sultan hilang daulat / kuasa

ii. **Cara Bantahan**

**a. bawa kes MU ke Mahkamah Tinggi England**
- Persidangan Raja² Melayu bantah MacMicheal dapatkan persetujuan Raja² Melayu secara tidak sah

## 4.3 Reaksi penduduk tempatan

**b. Hantar surat bantahan**
- Sultan Kedah, Perak, Johor utus surat bantah kepada George Henry Hall-dakwa diperdaya MacMicheal
- Raja dakwa diugut-mohon mansuhkan tandatangan
- Raja Perlis utus telegram-tidak beri peluang dapatkan nasihat pembesar

**c. Sokong Kongres Melayu**
- Kongres orang Melayu bersungguh² menentang MU
- Sultan Selangor derma kepada Persatuan Melayu Selangor/ rasmikan Kongres

**d. Peranan Permaisuri Perak**
- Raja Perempuan Kelsom bantah ketika lawatan Ahli Parlimen British di Kuala Kangsar (perarakan)

**e. Memulau upacara lantik Gabenor MU**
- Dato Onn mohon raja boikot pelantikan Sir Edward Gent
- Berhimpun di Hotel Stesen laung Daulat Tuanku / Hidup Melayu

**2. Bantahan Rakyat**

**i. Bantahan akhbar**

a. Utusan Melayu, Majlis, Warta Negara kutuk MU merugikan Melayu
b. Seru adakan perhimpunan
c. Lapor perkembangan bantahan orang Melayu

**ii. Bantahan cendekiawan**

a. Pemimpin Melayu - Dato Onn penggerak
b. Tokoh wanita - Cikgu Zaharah Abdullah berucap bantah dapatkan hak

**iii. Bantahan Persatuan Melayu**

a. SABERKAS, Persatuan Negeri Kedah, Selangor, Johor berjaya himpun orang Melayu
b. Pertubuhan Melayu diaktifkan semula
c. Menggerakkan rapat umum bantah tindakan MacMicheal

**iv. Bantahan Bekas Pegawai British**

a. Mereka pernah berkhidmat di TM
b. Frank Swettenham, Richard Winstedt

## 4.3 Reaksi penduduk tempatan

**iv. Bantahan di Kedah Kelantan dan Johor**

a. 10 ribu berhimpun di Kota Bharu semasa MacMicheal datang minta tandatangan
b. Kesatuan Melayu Kedah anjur perarakan di Alor Setar-Kritik kandungan Kertas Putih MU
c. Lembaga Kesatuan Melayu Johor lancar perhimpunan disertai Dr. Hamzah
d. 20 ribu berhimpun di Batu Pahat
e. Dato Onn seru Melayu bersatu

**v. Adakan Kongres Melayu**

a. Anjuran pemimpin persatuan dan raja
b. Zaaba, Dato Onn, Tunku, Datuk Panglima Bukit Gantang cadang penubuhan badan menentang MU secara tersusun
c. Kongres di Kelab Sultan Sulaiman (1 Mac 1946) dihadiri 41 persatuan bersetuju menubuhkan UMNO
d. Kongres Melayu di Johor Bahru-UMNO ditubuhkan bagi pupuk perpaduan M'yu
e. Dianggap Hari Kematian-lilitan putih di songkok

**vi. UMNO anjur bantahan besar-besaran**

a. Tunjuk perasaan semasa Ahli Parlimen British (Gammans / Rees Williams) membuat tinjauan penentangan
b. Alor Setar-rapat umum
c. P.Pinang - rapat umum "Humbankan Perjanjian MacMicheal dengan laungan Hidup Melayu
d. Ipoh - Sepanduk Kami Berkehendakkan Naungan, Bukan Penaklukan
e. Kg Baru, KL- rapat umum
f. Klang-berhimpun di Istana Alam Shah
g. Seremban - berbaris, sepanduk MacMicheal ialah Imperialis
h. Laporan: Sultan tidak sedar kesan MU /buka mata British

## 4.4 Penyerahan Sarawak kepada British

**1.Pentadbiran Tentera di Sarawak**

a. Selepas PD2 tamat, tentera Australia mendarat di Kuching memperkenalkan pentadbiran tentera (British Borneo Civil Affairs Unit) pada 11 September 1945
b. 1946 British perkenal BMA
c. 1 Julai 1946 Vyner Brooke serah Sarawak pada British
d. Mendapat penentangan hebat masyarakat tempatan

**2. Faktor penyerahan Sarawak kepada British**

**i.Masalah pewarisan takhta**

a. Vyner Brooke tiada anak lelaki, tua dan uzur
b. Enggan lantik anak saudara (Anthony Brooke) sebagai pengganti

ii. **Desakan Kerajaan British**

a. Pejabat Tanah Jajahan desak Vyner beri kuasa kepada British untuk luaskan kuasa di Sarawak
b. Menjadikan Sarawak Tanah Jajahan bagi kuasai ekonomi / jaga pelaburan
c. Pejabat Tanah Jajahan utus surat kepada Vyner untuk serah Sarawak -Vyner setuju

**iii. Masalah Kewangan**

a. Untuk pulihkan Sarawak
b. Ekonomi terjejas, lombong minyah musnah, ladang getah terbiar
c. Kemudahan / lapangan terbang perlu dibaiki
d. Vyner tidak mampu bangunkan semula Sarawak

**3. Proses penyerahan**

a. Pejabat Tanah Jajahan utus surat spy Vyner tandatangan perjanjian dgn George Henry Hall setuju serah
b. hantar Gerard T. MacBryan dapatkan persetujuan ketua tempatan dan berjaya bawa dokumen ditandatangani ketua tempatan
c. Penyerahan dibuat tanpa pengetahuan rakyat
d. British arah Vyner dapatkan kelulusan Majlis Negeri dan rakyat dahulu
e. British hantar ahli parlimen (Gammans dan Rees Williams) meninjau-peribumi menentang, cina sokong, tidak faham penyerahan
f. Laporan dibawa ke Majlis Negeri untuk undi
g. Majlis Negeri keluarkan Rang Undang-Undang Penyerahan 19 undi serah 16 undi menentang
h. Dari Negeri Naungan kepada Tanah Jajahan British

## 4.5 Reaksi penduduk tempatan terhadap penyerahan Sarawak

**1.Golongan yang menentang penyerahan Sarawak**
(Datu Patinggi Abg Hj Abdillah)

**i. Faktor penentangan**

a. **Bertentangan Perlembagaan 1941**
- Perlembagaan-rakyat akan memerintah sendiri dengan bimbingan untuk mentadbir
- Vyner langgar Prinsip ke 8 dengan nafikan hak rakyat memerintah sendiri

b. **Vyner ketepikan wasiat Charles Brooke**
- Tidak bincang dengan Raja Muda dan Tuan Muda
- Lebih mudah merdeka di bawah Dinasti Brooke

c. **Muslihat Gerard T.MacBryan**
- Tekanan, desakan, pujukan, sogokan dapatkan persetujuan ketua tempatan

**ii. Bentuk penentangan**

a. **Mengadakan persidangan**
- Anjuran Johari Anang /Sharkawi Osman
- Buat demosntrasi 1 Julai
- Disertai Pergerakan Pemuda Melayu, BPS dll

b. **Mengadakan demonstrasi**
- Ketika kedatangan Gabenor 1 (Charles Aden)-ketua Datu Patinggi Abang Hj Abdillah
- Disertai 16 persatuan dgn kata² 'Sarawak Hak Kami'

c. **Meletak jawatan beramai²**
- Pekeliling No.9/1946 larang pegawai awam sertai gerakan-409 letak jawatan (guru, petugas perubatan dll), 56 pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak menamatkan pengajian

d. **Bantahan wanita**
- Cikgu Lily Eberwein-jalankan kempen kesedaran

e. **Menggunakan akhbar**
- Utusan Sarawak kritik penyerahan "British Menipu Rakyat"

f. **Menulis surat bantahan**
- kepada P. Menteri Britain
- Anthony bantah guna undang²-rayuan di Privy Council / Mahkamah

g. **Menubuhkan Rukun 13**
- Secara sulit (PPM) di Sibu
- Pimpinan Awang Rambli, Morshidi Sidek, Bujang Suntong utk hapus pegawai British di Sibu

**Peristiwa Sungkit Berdarah**
- Rosli Dhobi tikam Duncan Stewart dan meninggal
- British tutup pejabat persatuan-tangkap Rosli, Morshidi, Awang Rambeli dan hukum mati
- Yang lain dipenjara-gerakan gagal

**2. Penduduk yang sokong penyerahan Sarawak**
(Datu Bandar Abg Hj Mustapha /Datu Amar Abg Hj Suleiman)

**i. Faktor sokong**

a. **Memajukan negeri**
- Sarawak banyak musnah selepas perang.
- Penyerahan majukan politik, perdagangan, taraf hidup rakyat

b. **Memajukan penduduk tempatan**
- Tubuhkan YMA utk kemajuan Melayu dalam ekonomi/sosial
- Kegiatan YMA - bidang pelajaran, agama, sukan
- Caw. di Sibu, Kalaka, Miri

c. **Beri peluang kerja dlm perkhidmatan awam**
- isi jawatan tinggi seperti peguam, doktor - percaya British beri merdeka

## 4.6 Penyerahan Sabah kepada British

**1.Pentadbiran selepas Jepun**

a. BMA diperkenalkan
b. Diketuai C.F.C Macaskie
c. Tugas: untuk kembalikan keamanan \ ketenteraman negeri

**2. Faktor penyerahan**
- SBUB tandatangan perjanjian dengan British (26 Jun 1946).
- Sabah jadi tanah jajahan
- Ditadbir Gabenor (pertama Sir Edward Twining)

**i) Penuhi kepentingan British**
- PM Britain urus beri merdeka kepada Sri Lanka, India, Burma
- Sabah berpotensi ganti jajahan dan bekalkan bahan mentah dan pasaran barangan British

**ii) Meneruskan dasar British dalam hubungan luar**
- Semasa SBUB-Sabah negeri naungan British
- British menguasai perhubungan luar negeri dan pertahanan
- SBUB putuskan serah Sabah kepada British

**iii) Masalah kewangan SBUB**
- Jepun musnahkan Jesselton, Kudat, Sandakan
- Kerosakan besar tidak mampu ditanggung SBUB
- Setuju serah Sabah kerana kekurangan dana

## 4.7 Reaksi penduduk tempatan Terhadap penyerahan Sabah

Tidak mendapat tentangan rakyat Sabah kerana :

**i.Dasar British- menindas kegiatan berpersatuan**

a. pemimpin Sabah sukar himpunkan semua etnik dalam satu pertubuhan
b. Ada persatuan ditubuhkan seperti Persatuan Sahabat Pena Sabah (PASPAS), BARIP
c. Tujuan awal untuk baiki ekonomi dan politik bumiputera
d. Kemudian aktif bangkitkan kesedaran politik
e. British bimbang pemimpin ini akan gugat kedudukan mereka di Sabah.
f. Tindakan British secara halus
   - Menawarkan jawatan kenaikan pangkat (H.M Salleh ditawarkan kerja dengan kerajaan)
   - Memindahkan ahli persatuan aktif ke bandar lain (Zakaria Gun ditukar ke Jesselton)
g. Kesannya kegiatan persatuan semakin lemah kerana masalah kewangan dan kekurangan pemimpin berkebolehan

**ii.Dasar British- Menghadkan peluang dalam pentadbiran**

a. Menyebabkan penduduk Sabah kurang pengalaman dalam birokrasi Barat

**iii.Kepentingan sosioekonomi penduduk tempatan**

a. Penduduk enggan libatkan diri dalam penentangan kerana
   - Dianggap sebagai peluang kepada penduduk tempatan melibatkan diri dalam pentadbiran
   - Memajukan bidang perniagaan
   - Meluaskan jaringan perdagangan
   - Dapat membangunkan Sabah selepas perang